

Majlis Peluncuran Kempen Amalan Pemakanan Sihat Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan



Labuan, 17 Jun 2024 – Majlis Peluncuran Kempen Amalan Pemakanan Sihat Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan telah berlangsung pada 14 Jun 2024 bertempat di Dewan Sri Kedayan, SK Sg Lada.

Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Encik Awang Marten bin Datuk Haji Abdul Rahman.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited membudayakan amalan pemakanan berkhasiat dan seimbang dalam kalangan murid dan pelajar sekolah di seluruh negara bagi melahirkan masyarakat yang sihat.

SK Sg Lada dan SMK Pantai merupakan pengelola bersama bagi program ini. Majlis turut dihadiri oleh Yang

Dipertua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Cawangan W.P Labuan, Encik Ismail bin Abdullah, Yang Dipertua Majlis Guru Besar, Encik Mohamed Al Ghaffar bin Haji Mohamed Maidin, Yang Dipertua PIBG SK Sg Lada, Puan Syarifah Azizah binti Wan Semawi, pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan W.P Labuan, guru-guru dan murid-murid dari dua buah sekolah pengelola.

Majlis dimeriahkan lagi dengan pameran-pameran berkaitan dengan amalan pemakanan sihat dan selamat yang dipamerkan di reruai Seksyen Pemakanan dan Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan (BKMM) dari Jabatan Kesihatan Negeri W.P Labuan, Kelab Doktor Muda SK Sungai Lada dan SMK Pantai.